

01/07/2002

Pilihan raya bukan medan ukur kepimpinan Umno

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit di Kedah, bukan medan bagi mengukur keupayaan kepimpinan Umno yang kini sedang melalui proses peralihan kuasa.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata perkara itu bukan lagi menjadi isu terutama pada pilihan raya kecil berkenaan kerana semua pihak sudah dapat menerima Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober tahun depan.

Katanya, Umno tetap kuat menghadapi sebarang pilihan raya kerana rakyat sudah dapat menerima dan memahami proses peralihan kuasa itu dengan baik.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah di Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan anjuran Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia (Wawasan) di sini, hari ini.

Muhammad yang juga penyelaras pilihan raya bagi kedua-dua kawasan itu, berkata pencapaian kemajuan negara dan bangsa akan menjadi agenda utama yang akan digunakan Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya itu.

"Mungkin ketika berkempen, ada penceramah yang akan membangkitkan perkara mengenai proses peralihan kuasa itu tetapi ia bukanlah menjadi agenda utama kami kerana apa yang penting adalah kemajuan negara, agama dan bangsa," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Dr Norraesah Mohamad, pula berkata tidak adil untuk mengukur kepimpinan Abdullah pada dua pilihan raya kecil itu kerana Timbalan Perdana Menteri sudah pun membuktikan keupayaannya sebagai pemimpin.

"Bukan saja pada pilihan raya kecil tetapi Pak Lah juga sudah membuktikan bahawa beliau adalah pemimpin yang baik," katanya.

Dr Norraesah yang juga Exco Pergerakan Wanita Umno, berkata setiap pilihan raya kecil atau umum adalah ujian kepada bangsa Melayu dan bukannya kepada corak kepimpinan parti yang ada.

"Walaupun pemimpin baik tetapi jika ada yang masih taksub dan terpengaruh dengan banyak faktor luaran, adalah tidak adil untuk dikatakan pemimpin itu tidak berjaya.

"Bagaimanapun, saya bersama rakan-rakan Wanita Umno yang lain tetap yakin bahawa Umno dan BN akan meraih kemenangan besar dalam kedua-dua pilihan raya kecil itu," katanya.

Exco Pemuda Umno, Dr Adham Baba berkata, pergerakan itu juga sudah menggerakkan memulakan jentera bagi membantu calon BN.

"Kami akan memberi penerangan yang secukupnya kepada generasi muda mengenai proses peralihan kuasa yang sedang dilalui pucuk pimpinan sekarang dan kami yakin, anak-anak muda akan menerimanya dengan baik," katanya.